

Semua mesti dedikasi



PM diperkenalkan kepada dif2 oleh Dr. Lim

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad diperkenalkan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang, Dr. Lim Chong Eu (kanan sekali) kepada barisan orang-orang kenamaan negeri itu segera selepas rombongan Perdana Menteri mendarat di pulau tersebut dengan sebuah kapal terbang eksekutif jam 9 pagi semalam.

Perdana Menteri juga diperkenalkan kepada Yang DiPertua Dewan Undangan Negeri, Datuk Hassan Noh, Hakim Mahkamah Tinggi Negeri, Datuk Guan Chit Swan, para ADUN Negeri dan anggota misi diplomatik yang berpejabat di Pulau Pinang. — Gambar Berita Harian.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

Bukan k-tangan Kerajaan saja

Oleh BUSTAMAM AHMAD

PULAU PINANG, Jumaat — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan, penekanan "Kerajaan baru terhadap pentingnya diwujudkan semangat dedikasi dalam jentera pentadbiran kerajaan bukan semata-mata ditujukan kepada pegawai kerajaan malah kepada setiap rakyat jelata."

Perdana Menteri berkata, Malaysia mempunyai banyak potensi untuk terus maju dan apa yang diperluaskan ialah "kerja kuat setiap rakyat tanpa mengira kedudukan mereka."

Menurutnya, lebih banyak lagi khidmat akan dapat dirasakan oleh segenap lapisan rakyat jika mereka bekerja dengan kuat dan jujur.

Lawatan pertama

Bericip di majlis jamuan teh sebagai meriahkan lawatan pertamanya ke negeri ini, di kediaman Ketua Menteri, Dr. Lim Chong Eu, di sini, Perdana Menteri berkata:

"Penekanan yang diberikan terhadap pentingnya diwujudkan semangat bekerja lebih kuat bukan hanya ditujukan kepada pegawai dan kakitangan kerajaan sahaja seperti yang dibesar-besarkan oleh akhbar.

"Sebenarnya, saya mahu dalam untuk setiap rakyat kita sebagai satu usaha memperbaiki lagi bidang pembangunan negara."

Bellau menambah, segala usaha pembangunan Kerajaan akan mendatangkan hasil lebih besar jika rakyat memberi sambutan penuh terhadapnya.

"Jika setiap rakyat, tidak kira pemotong rumput atau pegawai tinggi kerajaan, datang awal bekerja dan sanggup berkhidmat dengan jujur, saya yakin Malaysia akan terus maju.

Jangan curi masa

"Kita tidak harus mencuri masa ketika bekerja dan berehat lebih dari masa yang ditetapkan. Inilah perubahan sikap yang diperlukan dari setiap rakyat.

"Saya berharap mesej ini akan disampaikan kepada segenap lapisan rakyat jelata supaya kita dapat meningkatkan lagi usaha pembangunan negara," katanya.

Datuk Seri Dr. Mahathir mengulangi tentang pentingnya rakyat berbilang kaum mengambil kira kepentingan kaum yang lain dalam segala tindakan mereka.

Sambil mengakui terdapatnya perselisihan fahaman di kalangan rakyat, Perdana Menteri menegaskan, pada umumnya "kita boleh hidup aman dan damai seperti terbukti di berbagai bidang pekerjaan sama ada di ladang atau jabatan kerajaan."

"Ini dapat diwujudkan kerana kita sanggup menerima hakikat perlunya menjaga perasaan dan kepentingan orang lain dalam segala tindakan kita.

"Inilah harapan saya yang mesti difahami oleh setiap rakyat, dan saya bukan menunjukkan kepada sesuatu kaum tertentu saja tetapi kepada semua lapisan rakyat," katanya.

Menurut Perdana Menteri, terdapat negara-negara lain yang mempunyai rakyat berbilang kaum, malah mundur kerana tidak wujud keharmonian kaum di kalangan rakyatnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, lebih banyak lagi usaha pembangunan perlu dijalankan bagi meningkatkan taraf hidup rakyat terutama golongan miskin.

Mengenal jambatan Pulau Pinang berharga lebih \$700 juta, bellau berkata, pembinaannya melambangkan hasrat Kerajaan dalam memajukan segala hal-hal kepada rakyat.

"Janji Kerajaan kepada rakyat bukan satu langkah untuk menentukan kita terus berpuasa tetapi apa yang lebih penting ialah menggunakan kuasa ini untuk menjaga kepentingan rakyat," tegas bellau.